

# Sukarelawan Pejabat PM, UPM bantu mangsa banjir

BERA 14 Dis. - Prihatin dengan nasib yang menimpa mangsa banjir, Sukarelawan Pejabat Perdana Menteri dan Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini bekerjasama membersihkan rumah penduduk yang terjejas akibat bencana itu di Kampung Mengkarak, di sini hari ini.

Seramai 20 sukarelawan Pejabat Perdana Menteri terlibat manakala 15 dari UPM termasuk empat penuntut antarabangsa yang berasal dari Nigeria menyertai program tersebut.

Sukarelawan Pejabat Perdana Menteri diketuai Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Datuk Mohd. Po'ad Jelani manakala UPM pula diketuai Pengarah Urusan UPM

Holdings, Prof. Dr. Husaini Omar yang merupakan anak syarikat universiti tersebut.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas negeri, Norol Azali Sulaiman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guai.

Wakil sukarelawan Pejabat Perdana Menteri, Husnita Hussien, 37, berkata, selepas di Pekan minggu lalu, mereka kini di Bera pula bagi membantu mangsa banjir di situ.

Katanya, selain membersihkan rumah, mereka turut menyampaikan bantuan berupa barangan keperluan asas kepada mangsa yang terlibat.

"Kami dari Pejabat Perdana Menteri sepatutnya ada program lain minggu ini, tetapi atas dasar prihatin dan simpati, kami batalkannya dan turun ke sini bagi memberikan bantuan membersihkan rumah," katanya.

Sementara itu, Husaini berkata, UPM sentiasa menyertai program tanggungjawab sosial korporat dalam membantu mereka yang memerlukan.

"Pada hari ini, kita juga membawa penuntut antarabangsa supaya mereka dapat melihat budaya di negara ini dalam membantu golongan yang ditimpa sesuatu bencana," ujarnya.



**MOHD. Po'ad Jelani (tengah bertopi) bersama sebahagian daripada 20 orang sukarelawan dari Pejabat Perdana Menteri dan Universiti Putra Malaysia membasuh rumah salah seorang penduduk yang dilanda banjir di Kampung Mengkarak, Bera, Pahang, semalam. - MINGGUAN/MAHATHIR ALI**